

06 OCT 1999

Sukan-Muhyiddin (Sukan Asia)

INDONESIA MENARIK DIRI TETAPI MALAYSIA TETAP BERHATI-HATI

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Walaupun Indonesia membuat keputusan untuk menarik diri daripada pencalonan sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006, Malaysia tetap mengambil langkah berhati-hati supaya tidak timbul salah faham di kalangan negara-negara anggota Asia.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata untuk mengelak timbul sebarang salah faham, MOM diminta berbincang dengan Kesatuan Olahraga Nasional Indonesia (KONI) mengenai perkara-perkara tertentu.

"MOM diminta berbincang dengan KONI mengenai perkara-perkara tertentu supaya tidak timbul bentuk sepakatan yang tidak disenangi khususnya di kalangan negara-negara anggota Asean dan Asia amnya", katanya kepada pemberita selepas mesyuarat minggu kementerian, di sini, hari ini.

Indonesia mengumumkan keputusannya menarik diri daripada persaingan itu selepas mesyuarat kabinet negara berkenaan minggu lepas yang dipengerusikan oleh Presiden B. J. Habibie.

Indonesia berkata mereka menyokong pencalonan Malaysia berdasarkan semangat kejiranan serta kerjasama kedua-dua negara yang begitu kukuh.

"Keputusan Indonesia itu sekurang-kurangnya memberi kelegaan kepada usaha penawaran kita dan saya amat berterima kasih kepada Indonesia yang sekaligus memudahkan tugas kita," katanya.

Muhyiddin berkata berikutan keputusan Indonesia itu, pegawai KONI berhasrat ke Kuala Lumpur untuk membincangkan perkara tertentu dan beliau sedang berusaha untuk mengaturkan tarikh pertemuan mereka dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya walaupun sokongan kalangan anggota negara-negara Asean semakin meningkat terhadap usaha penawaran Malaysia itu, beliau masih berpegang teguh kepada strategi dan usaha awal negara.

"Kita akan menggerakkan usaha yang sudah dirancang, cuma strateginya hendaklah betul dan berhati-hati serta bersesuaian dengan perkembangan semasa.

"Apa yang kita buat selama ini nampaknya memberi kesan dan sudah dirasakan negara-negara pesaing," katanya.

Muhyiddin meminta pemimpin persatuan sukan yang mempunyai pengaruh di peringkat Asia supaya turut memainkan peranan dalam usaha penawaran itu dengan menggunakan sepenuhnya hubungan mereka dengan rakan sejawat.

Penarikan diri Indonesia itu menyaksikan Malaysia kini bersaing dengan Hong Kong, Qatar, Syria dan India bagi memikat 43 anggota jawatankuasa Majlis Olimpik Asia (OCA).

--BERNAMA

AHA NAK